

**Najib Tiba Untuk Lawatan Sehari Ke Kelantan
Bernama
15 Mac, 2013**

KOTA BAHARU, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa di sini, untuk lawatan kerja sehari ke Kelantan, Jumaat.

Ketibaan Najib yang diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor pada pukul 9.40 pagi itu disambut Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Seri Mustapa Mohamed, Timbalannya Datuk Dr Awang Adek Hussin, Timbalan Pengerusi MCA Kelantan Tan Ken Ten, Pengerusi MIC Kelantan M. Kuppusamy dan pemimpin parti komponen yang lain.

Perdana Menteri kemudian menaiki helikopter ke Kuala Krai bagi menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dataran Maktab Rendah Sains Mara Kuala Krai yang dijadual pukul 10 pagi.

Beliau kemudian akan menaiki helikopter ke Tanah Merah bagi menunaikan solat Jumaat diikuti jamuan rakyat di Masjid Batu 11, Tanah Merah.

Najib selepas itu akan menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanah Merah 1 di Tanah Merah.

Perdana Menteri kemudian akan menaiki helikopter ke Kota Baharu bagi merasmikan Majlis Pecah Tanah Perumahan Mesra Rakyat di Wakaf Mek Zainab di sini, sebelum ke Kem Lapan Brigid, Pengkalan Chepa untuk bertemu keluarga dua wira negara yang terkorban dalam Operasi Daulat di Lahad Datu, Selasa lalu.

Sementara itu Rosmah dijadualkan Ke Kem Lapan Brigid itu untuk menghadiri solat hajat, tahlil dan bacaan yasin untuk perwira negara pada pukul 3 petang.

Perdana Menteri dan isteri dijadual berlepas pulang ke ibu negara pada lewat petang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=934628>